

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 07/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 52

Tajuk : Kamarudin dilantik Timbalan Presiden ANGKASA

## Kamarudin dilantik Timbalan Presiden Angkasa

KOSMO 7/8/2018 MS 52.

**KUALA LUMPUR** - Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) telah memilih Datuk Kamarudin Ismail sebagai Timbalan Presiden Angkasa bagi menggantikan Mutadho Bahri yang meletak jawatan secara sukarela pada 1 Julai lalu.

Turut dipilih ialah Datuk Che Shukree Che Isa yang akan mengisi kerusi Naib Presiden Angkasa yang dikosongkan oleh Kamarudin.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kedua-dua tokoh yang dipilih itu mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang koperasi serta perjalanan pentadbiran Angkasa.

"Kami penuh yakin melalui pelantikan Kamarudin dan Che Shukree, usaha memacu pencapaian gerakan kope-



KAMARUDIN



CHE SHUKREE

rasi akan sentiasa diperkasakan demi kebaikan koperasi dan juga koperator.

"Selain itu, kami juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbangan bakti, jasa dan komitmen Mutadho selama berkhidmat di Angkasa dalam usaha memajukan gerakan koperasi negara," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini

semalam.

Kamarudin yang menyertai Angkasa pada tahun 2012 sebagai Naib Pengerusi turut memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Koperasi Antarabangsa, Sektor Pertanian, Pengerusi Koperasi Yayasan Guru Malaysia Bhd., Ahli Lembaga Pengarah MyAngkasa Holding Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah MyAngkasa Services Sdn. Bhd. dan MyAngkasa Bina Sdn. Bhd.

Sementara itu, Che Shukree menyertai Angkasa pada tahun 2011 sebagai Ahli Lembaga Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Kelantan.

Kemudiannya, beliau dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Kelantan dan dilantik sebagai Ahli Lembaga Koperasi Wawasan Malaysia Bhd. dan Ahli Lembaga Pengarah MyAngkasa Bina.